



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESIHATAN
DAN PELANCONGAN MALAYSIA

mempersembahkan
presents

Kerana Mu Malaysia

Sempena Bulan Kemerdekaan 2000

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN



"Keranamu Malaysia"

konsert

Orkestra Simfoni Kebangsaan

(National Symphony Orchestra)



15—16 ogos 2000
ISTANA BUDAYA, KUALA LUMPUR





Kata-Kata Aluan

MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

Merangkap

Pengerusi

Jawatankuasa Kesenian Sambutan Bulan Kemerdekaan 2000

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat merealisasikan Konsert Orkestra Simfoni Kebangsaan yang diadakan khusus sempena sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan tahun 2000 ini.

Saya amat berharap agar Konsert Orkestra Simfoni Kebangsaan kali ini akan meninggalkan kesan yang mendalam pada sanubari penggemar muzik tanahair memandangkan persembahan ini merupakan adunan muzik tempatan dan muzik klasik yang berkonsepkan patriotisma. Konsert ini juga diharap dapat mencetuskan nostalgia silam terhadap lagu-lagu yang telah menceriakan dunia muzik masa lampau serta masih mempunyai peminatnya hingga kini.

Konsert kali ini lebih kepada penghargaan khusus buat penggubah-penggubah lagu tempatan yang telah mencipta nama di samping memberi pendedahan kepada generasi masakini terhadap perkembangan pesat yang berlaku dalam industri muzik tanahair. Bersesuaian dengan tema sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan "Keranamu Malaysia" diharapkan para penggemar muzik dapat mengimbas kembali perjuangan para karyawan dalam dunia muzik yang telah mencurahkan bakti serta kreativiti mereka untuk menyemarakkan industri muzik tanahair melalui alunan lagu yang telah digubah semula mengikut konsep orkestrasi yang dipersembahkan.


Semoga persembahan Konsert Orkestra Simfoni Kebangsaan kali ini dapat meneruskan kegemilangan muzik di alaf baru ini.

Terima kasih,
Yang Ikhlas

DATO' ABDUL KADIR H. SHEIKH FADZIR

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia





Rata-Rata Auan

Ketua Setiausaha
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

Konsert "Keranamu Malaysia" oleh Orkestra Simfoni Kebangsaan adalah merupakan salah satu program yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia sempena sambutan Bulan Kemerdekaan pada tahun ini.

Adalah menjadi harapan saya agar muzik berbentuk orkestra ini dapat menarik minat pelbagai bangsa serta menjadi daya tarikan di kalangan para pelancong. Pengambiln tenaga di kalangan para seniman serta pengusaha-pengusaha industri pelancongan diharap dapat menjadikan industri muzik sebagai salah satu produk penting untuk menarik para pelancong ke dalam negara. Adalah diharapkan agar usaha ini akan mendapat sokongan padu serta restu dari semua pihak.



Persembahan Orkestra Simfoni Kebangsaan kali ini akan memperlihatkan kejayaan kita mengangkat keupayaan pengubah-pengubah lagu tempatan yang menjadi idola kepada penggemar muzik tanahair. Bagi mengenang jasa mereka, maka pihak Kementerian mengambil inisiatif untuk mengadakan persembahan khas ini bersesuaian dengan tema sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan 2000 "Keranamu Malaysia". Adalah diharapkan agar semangat juang yang kental dan keazaman yang tinggi yang ada pada penggubah-penggubah lagu ini dapat memberi inspirasi kepada penggubah-penggubah lagu masakini untuk meneruskan perjuangan dalam meningkatkan industri muzik negara ke peringkat antarabangsa.

Semangat juang perlu diteruskan, industri muzik negara perlu diangkatkan. Semoga usaha diberkati jua.

Terima kasih.

Y.M DATO' TENGGU ALAUDIN TENGGU ABD. MAJID

Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Orkestra

Simfoni Kebangsaan

Semenjak dilancarkan semula pada tahun 1993, reputasi Orkestra Simfoni Kebangsaan (OSK) telah meningkat dengan cemerlang. Kepelbagaian budaya di negara ini menjadi asas peningkatan berkenaan. Di peringkat antarabangsa, OSK telah menjalin hubungan yang akrab dengan Suruhanjaya Tinggi-suruhanjaya Tinggi, Kedutaan-kedutaan asing, pihak korporat dan juga badan-badan bukan kerajaan melalui penyediaan persembahan yang bertahap cemerlang. Semenjak kebelakangan ini OSK telah mengadakan konsert-konsert yang dipimpin oleh konduktor Muzik dan 'Soloist' bertaraf antarabangsa.

Konsert-konsert yang dipersembahkan mendapat sambutan masyarakat. Ini akan menggalakkan mereka menghargai nilai objektif sebenar OSK. Amatlah penting penonton Malaysia diperdengar dan dipertontonkan dengan persembahan antarabangsa, juga oleh pemuzik tempatan. OSK akan sentiasa menggalakkan aktiviti pendidikan muziknya yang juga berperanan penting dalam menyediakan maklumat-maklumat terkini mengenainya. Ia akan sentiasa menyokong dan menggalakkan bakat-bakat dari generasi muda untuk melibatkan diri dalam bidang ini di masa hadapan.




The National Symphony

Orchestra

Since its re-establishment in 1993, The National Symphony Orchestra (NSO) has built an excellent reputation. The diversity of culture in the country has dramatically contribute towards the personal and musical growth of this establishment. With regards to its involvement in the international arena, the NSO maintains a close and delightful relationship with all Embassies, High Commissions, Corporate Companies and Foundations here in Malaysia by catering the needs to superb entertainment. In return, a tremendous amount of guidance and support in terms of culture exchange programmes are given to inculcate more participation and add variety. The orchestra has impressively performed in a number of memorable concerts over the years. These performances were graced by internationally acclaimed conductors and soloists. This in itself has brought new and fascinating challenges for the Orchestra in the event of reaching greater heights for the new millennium.

The concerts have rendered great artistic success and we believe they will path into the hearts of local audience and encourage them to appreciate and value the objectives of the NSO. While it is important for Malaysian audience to hear performances of international standards, the NSO also maintains strong commitment to performances by the very best Malaysian musicians. The Orchestra will continue its valuable roles and provided resources, which will encourage and extend its activities, particularly in the field of education. It will constantly support and encourage young talent to participate more vigorously for the future of the next generation.





Prof. Kerry Woodward

K o n d u k t o r / C o n d u c t o r

Kerry Woodward lahir di Barry, Wales, menerima ijazah pertamanya dalam bidang muzik dari Universiti Cardiff dan Sarjana muzik dari Universiti London. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian dalam pengkhususan konduktor di Sekolah Guildhall di London dan seterusnya mendapat bimbingan dari Sir Adrian Boult dan Kyril Kondrashin.

Kemahiran beliau dalam Choral Tradisi Inggeris serta pengalaman yang luas menjadikannya salah seorang dari Konduktor Choral yang terbaik pada masa kini. Berpengalaman sebagai konduktor dengan BBC Singers (1973 -76) pernah bekerjasama dengan Sir Collins Davis dan Pierre Boulez dan menjadi Pengarah Koir Dewan Netherland (1977 - 80) dan kini menjadi rebutan di Amerika Syarikat di Eropah.

Sebagai seorang Konduktor Orkestra, Kerry Woodward telah bekerja dengan pelbagai pihak kumpulan Orkestra di Eropah termasuklah Sinfonietta BBC, Orkestra Kamar Inggeris. (mahir dalam aliran muzik Baroque dan Era Klasik) dan juga dengan London Sinfonietta (aliran muzik Kontemporari). Di Belanda, beliau menjadi konduktor bagi

Concertgebouw dan Orkestra Philharmonik Rotterdam begitu juga di Netherlands dan Orkestra Dewan Amsterdam, Orkestra Simfoni Beer Sheba di Israel. Di Amerika Syarikat beliau selalu menjadi konduktor untuk Orkestra Simfoni Akron begitu juga dengan Orkestra Kamar Ohio untuk 2 tahun yang lalu.

Karier operanya mula bersinar dengan pertunjukkan dunia bagi "Der Kaiser Von Atlantis" di Amsterdam oleh Opera Netherlands pada tahun 1975. Semenjak itu beliau telah menjadi konduktor opera terkenal di Britain, Belgium, Itali, Israel dan Amerika Syarikat terutama di San Francisco, New York dan Cleveland.

Beliau juga telah mencipta dan mengubah muzik untuk korus, orkestra, esembel kamar, suara solo untuk radio, konsert dan persembahan teater begitu juga merekodkannya di bawah label Syarikat Philips bersama dengan Koir Kamar.

Kerry Woodward merupakan Ketua Konduktor Jemputan bagi Opera Kamar Vienna, pakar dalam Mozart dan Opera dimana beliau telah berjaya menggubah 4 buah muzika opera dimana beliau telah mempersembahkannya di Jepun, Korea Selatan, German dan di England. Ianya digubah untuk audien keluarga di negeri Holland. Kerry Woodward juga pernah memimpin Orkestra Radio Belanda dan Belgium. Sekarang ini beliau merupakan Pengarah Orkestra dan Opera di Conservatory of Enschede, Belanda.

Kerry Woodward was born in Barry, Wales and received his Bachelor's and Master's degrees in music from Cardiff and London Universities. He then studied conducting at the Guildhall School in London and subsequently with Sir Adrian Boult and Kyril Kondrashin.

His background in the English choral tradition together with his long experience has made him one of today's finest choral conductors. Now, as a former conductor of the BBC Singers (1973-76, where he also worked in association with Sir Colin Davis and Pierre Boulez) and director of the Netherlands Chamber Choir (1977-80), he is in demand in the U.S.A. and with chamber and radio choirs in Europe.

As an orchestral conductor Kerry Woodward has worked with many European orchestras, including all of the BBC orchestras, the English Chamber Orchestra (specialising in the Baroque and Classical periods) and the London Sinfonietta (contemporary). In Holland he has conducted the Concertgebouw and Rotterdam Philharmonic Orchestras, and the Netherlands and Amsterdam Chamber Orchestras; and in Israel the Beer Sheba Symphony Orchestra. In the U.S.A he has been a regular conductor of the Akron Symphony Orchestra and the Ohio Chamber Orchestra for the past two years.

With the world premiere of "Der Kaiser von Atlantis" in Amsterdam with the Netherlands Opera in 1975, his opera career was launched. He has since conducted opera in Britain, in Belgium, Italy, Germany, Israel; in the U.S.A in San Francisco, New York and Cleveland.

He has composed and arranged music for chorus, orchestra, chamber ensemble and solo voice for radio, concert and theatre performances and also has recorded on the Philips label with the Netherlands Chamber Choir.

He was chief guest conductor of the Vienna Chamber Opera specialising in Mozart and Rossini Operas. He composed four very successful operas music with whom he also toured Japan, South Korea, Germany and England. It was written for family audiences in Holland. He has conducted the Dutch and Belgian Radio Orchestras and currently he is the Director of Orchestra and Opera at the Conservatory of Enschede in Holland.

Solois-Eugenia Glotova

P e m a i n F l u t e (F l a u t i s t)



Eugenia dilahirkan pada 14 September 1980 di Tashkent Uzbekistan. Sebagai seorang anak yang luar biasa bakatnya, beliau berkecimpung dalam bidang muzik sebagai pemain flute pada umur 7 tahun dan mendapat didikan awal daripada Professor Arkalig Malkayer (Honoured Artist of Uzbekistan). Selepas itu beliau meneruskan pengajian di Sekolah Muzik Uspenley Special dalam usia 11 tahun.


Kerjaya beliau sebagai pemuzik solo bermula pada umur di mana beliau terlibat di dalam persembahan bersama kumpulan ternama Orkestra Kamar di Uzbekistan. Sepanjang penglibatan ini, beliau banyak membuat persembahan dinegara sendiri dan Negara German. Beliau pernah memenangi hadiah pertama dengan penghormatan pada "The 8th Republican Wind Instruments Competition" yang dianjurkan oleh persatuan di Negara Rusia.


Kini beliau masih menuntut di dalam tahun 3 di Moscow State Conservatory di bawah seliaan Professor Yury Dolzikov.

Eugenia Glotova was born on 14 September 1980 in Tashkent, Uzbekistan. A child prodigy, she started playing flute at the age of seven years old with Professor Arkadiy Malkeyer (Honoured Artist of Uzbekistan). Then she studied at the Uspenky Special Music School for talented children for eleven years.

Her career as a soloist started at the age of ten years old when she performed with leading chamber orchestra in Uzbekistan. Since then she had performed in numerous cities in her country and Germany. She won 1st Prize Laureate of the 8th Republican Wind Instruments Competition organized by the Russian Society.

Currently, she is in her third year at the Moscow State Conservatory under tutelage of Professor Yury Dolzikov.





Program Persembahan/Concert Program

Bahtera Merdeka	Kassim Masdor / Gubahan : Yazeed Djamin
Putus Sudah Kasih Sayang	P. Ramlee / Gubahan : Ramlan Imam
Tunggu Sekejap	P. Ramlee / Gubahan : Ramlan Imam
Malaysian Medley	
i. Senja di Kuala Lumpur	Dato' Ahmad Nawab / Gubahan: Ramlan Imam
ii. Jauh-Jauh	Jimmy Boyle / Gubahan: Ramlan Imam
iii. Gadis Idaman	Alfonso Soliano / Gubahan: Ramlan Imam
Pomp & Circumstance	Elgar

Rehat/Interval (15 mins)

Overture to Chendering	Jimmy Boyle / Gubahan: Ramlan Imam
Flute Concerto No. 2 in D, KV. 314	Mozart
i. Allegro aperto	
ii. Andante ma nan troppo	
iii. Allegro	
Soloist Eugenia Glotova – Flute	
Festive Overture	Shostakovich

Tamat/End



K o m p o s e r / C o m p o s e r s

Jimmy Boyle

Jimmy Boyle terkenal di seluruh Malaya dan Singapura bukan sahaja sebagai seorang pemain piano yang berkaliber bahkan juga sebagai seorang pencipta yang berbakat dan penyusun muzik Timur dan Barat.

Penciptaan muziknya telah dipersembahkan oleh Radio Malaya dan Radio Singapura dan ada juga yang tercatat oleh penyanyi-penyanyi terpenting, koir-koir dan orkes dalam negara ini.

Penciptaannya juga termasyhur di negara-negara dan beberapa karyanya telah dirakam di Indonesia.

Beliau berpendidikan muzik klasik seperti semua penuntut yang terlatih di bawah sistem Peperiksaan Muzik College Trinity, tetapi apabila beliau mula mencipta muzik, beliau memilih lagu-lagu irama Tanah Melayu sebagai cara yang terbaik untuk melahirkan perasaannya.

Irama Tanah Melayu merupakan koleksi beberapa ciptaan seninya yang popular. Senikata lagu adalah karya Dol Baharin yang terkenal di Radio Malaya pada masa itu.


Jimmy Boyle is well known throughout Malaya and Singapore, not only as a fine pianist but also as a talented composer and arranger of Eastern and Western music.

His compositions have been played by Radio Malaya and Radio Singapore, and some of them have been recorded by leading vocalists, choirs and orchestras in this country.

His works are also known in neighbouring countries, and a number of his pieces have been recorded in Indonesia.

His musical education was essentially classical, like that of all students training for the Trinity College of Music Examinations. But when he began composing, he turned to Malayan songs as the best means of expressing himself.

Irama Tanah Melayu is a collection of some of the composer's most popular works. The lyrics are by Dol Baharin who is well known in Radio Malaya at that time.





Tan Sri P. Ramlee

Dilahirkan di Pulau Pinang pada 22 March 1929 dengan panggilan nama Tengku Zakaria bin Tengku Nyak Puteh. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kampong Melayu Jawa sebelum ke Penang Free School.

Terlibat secara aktif di dalam bidang muzik semenjak zaman muda beliau dan pernah memenangi pertandingan nyanyian yang dianjurkan oleh Radio Malaya pada tahun 1947. Ini merupakan penglibatan awal beliau sebagai penggubah muzik sebelum diterima sebagai pelakon dan penyanyi oleh sebuah produksi filem dari Singapura pada tahun 1948. Di samping itu beliau pernah memenangi pelbagai anugerah dalam bidang tersebut. Antaranya ialah Pelakon Lelaki Terbaik pada Asian Film Festival, 1957, Pelakon Komedi Terbaik pada Asian Film Festival, 1959, Pelakon Paling Hebat Kaliber (Versatile) pada Asian Film Festival 1963 dan banyak lagi. Beliau telah menjadi pengarah kepada hampir 37 buah filem, menjadi pelakon di dalam 60 buah cerita dan mencipta hampir 300 buah lagu. Beliau menghembus nafas terakhir di usia 45 tahun selepas mengidap penyakit jantung pada 29/5/1973.

He was born in Penang on 22 March 1929 and named Teuku Zakaria bin Tengku Nyak Puteh. His education started at the Kampung Jawa Malay School before proceeding to the Penang Free School.

He had been very active in music since his teenage years and had won a singing competition at Radio Malaya in 1947. This was the beginning of his career as a composer and later was offered to be an actor and singer by a film producer in Singapore in 1948. He had a lot of major awards to his credit since his involvement in the film industry began, like; Best Actor (Asian Film Festival 1957), Best Comedian (Asian Film Festival 1959), The Most Versatile Talent (Asian Film Festival 1963), etc.....

He has directed about 37 films, acted in about 60 films and composed 300 songs. He died at the age of 45 after suffering from a heart attack on 29 May 1973.

Alfonso Soliano

Waktu mudanya beliau terkenal sebagai seorang pemuzik yang aktif dan pernah menghasilkan banyak kerja-kerja muzik di dalam pementasan bangsawan.

Sebagai seorang pemain piano dan seorang penggubah, beliau juga merupakan seorang tenaga pengajar dalam bidang muzik kepada anak-anak tempatan yang mana pada masa tersebut belum lagi terdapat sekolah-sekolah muzik formal di Malaysia.

Beliau terlibat secara langsung dan memainkan peranan penting sewaktu penubuhan Orkestra Radio Televisyen Malaysia. Kini anak-anak beliau semuanya menjejaki langkah beliau sebagai pemuzik yang berjaya.

An active musician since his young age, Alfonso Soliano has worked with a lot of Malay Bangsawan groups (Malay Opera) during that era. As a pianist and composer, he also taught local musicians during a period when there were no music schools existence in Malaya.

He has contributed and played a major role in the formation of the Radio Television Malaysia's Orchestra. Most all of his children took music as their careers and are very successful.

Dato' Ahmad Nawab

Berasal dari Pulau Pinang, Dato' Ahmad Nawab terlibat dan berperanan penting sebagai penggubah muzik sehingga ke hari ini. Beliau mahir memainkan alat muzik saxophone dan pernah menghasilkan gubahan lagu untuk ramai penyanyi tanahair yang mana antaranya ialah penyanyi Khatijah Ibrahim, Sudirman Hj Arshad, Broery Marantika, Ramlah Ram dan ramai lagi. Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang ini, beliau telah mencipta nama melalui karya-karya beliau yang dianggap mempunyai ciri-ciri khas (trade mark) dan di antara lagu yang terkenal yang digubah oleh beliau ialah "Malaysia Truly Asia" yang dinyanyikan oleh Khatijah Ibrahim.


Hailed from Penang, Dato' Ahmad Nawab has been actively composing till today. A talented saxophonist, he has composed for many artists among them were Khatijah Ibrahim, Sudirman Hj. Arshad, Broery Marantika, Ramlah Ram and others. He has built a trade mark through his music and the latest compositions was the theme song Malaysia Truly Asia sung by Khatijah Ibrahim.


Ramlan Imam

Memulakan karier dalam bidang ini sebagai pemain alat muzik violin di Orkestra RTM pada tahun 1979. Semenjak tahun 1981, beliau bergiat cergas sebagai pemuzik, penerbit dan penggubah lagu. Beliau pernah melibatkan diri dalam Festival Jazz di Amsterdam menyertai banyak seminar di dalam dan luar negara.

Karya-karya gubahan beliau banyak diilhamkan dalam bentuk "chamber music", "Big Band" dan Orkestra. Sekarang beliau merupakan ketua program di Akademi Seni Kebangsaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan menjadi penggubah jemputan kepada Orkestra Simfoni Kebangsaan.

He started his music career as a violinist with the RTM orchestra in 1979. Since 1981, he has been actively involved as a musician, producer and composer. He has participated in a Jazz Festival in Amsterdam, has attended many music seminars and forum overseas. He has contributed a lot of his compositions from Chamber to Big-Band and full Orchestra. Currently he is the Head of the Music Department at the National Arts Academy, Ministry of Culture, Arts and Tourism and is in-house arranger with the National Symphony Orchestra.





Program/Programme Notes

Bahtera Merdeka (Kassim Masdor Gub./Arr.by: Yazeed Djamin)

Irama lagu ini menimbulkan perasaan patriotik terhadap tanah air dan mesej yang disampaikan melalui senikatanya bertepatan untuk dihayati oleh semua generasi. Rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum telah bersatu tenaga mengekalkan keharmonian dan kedamaian yang akhirnya dapat dikecapi oleh semua insan. Penyatuan dan perpaduan inilah yang cuba diketengahkan melalui karya tersebut.

The song awakens the spirits of patriotism and to send a message to the listeners, of their role in the formation and development of their nation. This song is applicable to all generations before and to come because of the message within.

Malaysia being a multi-racial country, has worked towards being peaceful and harmonious nation and it has achieved unity and strength.

This is the message encompassed in Bahtera Merdeka -urging the people to this end : TO COME AND PLEDGE, THEIR LOYALTY TO THEIR BELOVED NATION.

Putus Sudah Kasih Sayang (P.Ramlee Gub./Arr.by:Ramlan Imam)

Lagu ciptaan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dan merupakan soundtrack dari salah sebuah filem yang dilakonkan oleh beliau sendiri. Karya ini mengungkap perasaan kasih sayang antara kekasih.

Composed by the legendary P.Ramlee. It was an original movie soundtrack which he acted in as well. This song describes a broken love affair.

Tunggu Sekejap (P.Ramlee Gub./Arr.by: Ramlan Imam)

Soundtrack filem "Sarjan Hassan" arahan dan lakonan P. Ramlee.

This song is also from a movie soundtrack entitled "Sarjan Hassan".



Senja Di Kuala Lumpur (Dato' Ahmad Nawab Gub./Arr.by: Ramlan Imam)

Sebuah karya pop yang dihasilkan pada tahun 1970an. Lagu ini dinyanyikan oleh penyanyi populer dari Indonesia iaitu Broery Marantika. Karya yang mempunyai 'karektor' tersendiri ini menjadi identiti beliau.

A pop contemporary piece composed in 1970s. Sung by the late Broery Marantika, it has a very characteristic phrasing and has become a hallmark of Dato' Ahmad Nawab's style and originality.

Gadis Idaman (Alfonso Soliano Gub./Arr.by: Ramlan Imam)

Lagu ini telah dicipta oleh pengarah muzik yang terkenal, Alfonso Soliano dalam rentak Bossanova yang telah diberi nafas baru oleh pengubahnya Ramlan Imam. Ia mengisahkan gadis idaman jejaka.


This song was composed by the famous music director Alfonso Soliano. It is in a bossanova rhythm but has been given a new touch by the arranger. It has a very romantic melody line which is synonymous to the title of a dream girl.

Pomp and Circumstance No. 1 (Elgar)

Sebuah ciptaan oleh seorang pencipta terkenal, Sir Edward Elgar dari England yang berasal dari sebuah kampung terpencil di English West Midland (1857 - 1934). Karya yang dicipta dalam tahun 1901 ini mengandungi tiga segmen yang menggambarkan suasana keriang dan pelbagai perasaan yang bertepatan bagi meraikan Bulan Kemerdekaan.

This is a traditional and famous march containing trio section by England's Sir Edward Elgar. He was born in 1857 in a small village in the English West Midland and died in 1934. He composed this march in 1901. This music was so closely associated with happy occasions and a variety of deep emotions that it is an ideal piece to include in this Merdeka Celebration concert.





Overture To Chendering/Jauh-jauh (Jimmy Boyle Gub./Arr.by: Ramlan Imam)

CENDERING dan JAUH-JAUH merupakan antara komposisi Jimmy Boyle yang berjaya bertapak di hati peminat muzik tanah air. Kedua karya ini dapat menyentuh perasaan mereka yang mendengarkannya. Jimmy Boyle menggambarkan kecintaan beliau kepada alam semulajadi dan keindahan pantai-pantai di Malaysia terutamanya keindahan dan keunikan pantai Cendering. Pendengar dapat merasakan elemen semulajadi yang ditekankan di dalam rentak irama ciptaan beliau.

Jimmy Boyle has many compositions to his name. Two of them being Chendering and Jauh-jauh. Both compositions have a very soulful melodies that evoke a certain feel in anyone who hears them. In Chendering and Jauh-jauh, Jimmy's love of nature and his attraction to the mesmerizing beauty of beaches is certainly felt and he has captured the essence of Chendering in his composition. One can feel the elements of nature which are highlighted by percussive and rhythmic passages.



Flute Concerto No.2 in D major, KV 314 Mozart

Paumgartner telah menemui salah satu karya yang telah diorkestrasikan dalam abad ke 18 yang boleh digabungkan dengan ciptaan Mozart yang terkenal iaitu *Flute Cocerto No 2 in D Major*. Karya ini pada asalnya dicipta untuk Oboe dan digubah untuk Flute kerana kekurangan minat Mozart kepada alat muzik tersebut.

Bahagian pertama karya ini (1st movement) memaparkan tempo :*"Allegro aperto"*. "Central Adante Ma Non Troppo" dicipta sebegini rupa supaya alat muzik berkenaan tidak memainkan empat *bar* pertama di pembukaan melodi yang dimainkan oleh muzik bertali.

Paumgartner found a set of 18th century orchestral parts that proved to correspond with those of Mozart's well-known Flute Concerto No.2 in D major. It was originally written for oboe and then transcribed for flute because of Mozart's lack of enthusiasm for that instrument.

The first movement shares its unusual tempo indication, "Allegro aperto". The central Andante ma non troppo is unusual formally in that the solo instrument never plays the first four bars of the opening melody introduced by the strings, instead turning soulfully, after three deceptive notes. In another direction: the initial four bars thus take on the nature of a frame, enclosing the picture painted by the flute.

The delicious concluding rondo, is the most example of the comic-opera quality after to be found in his concerto finales.

Festive Overture, Op. 95

(Shostakovich)

Shostakovich dilahirkan di St. Petersburg pada tahun 1906 dan meninggal dunia pada tahun 1975 di Moscow. Beliau mula mendapat pendidikan awal di St. Petersburg Music Conservatory dan membuat penjurusan dalam bidang gubahan muzik selepas Revolusi Komunis pada tahun 1917. Kerjaya beliau berikutnya banyak dipengaruhi oleh keadaan politik di Rusia pada masa itu.

Karya ini dicipta pada tahun 1954 dan mengungkap maksud ketenangan yang dikecapi selepas berhadapan dengan kehancuran peperangan dan tatkala berada di bawah cengkaman pemerintahan kuku besi. Talaan bunyi alat muzik brass membawa tanda keriangannya yang dimulai dengan permainan alat muzik clarinet. Teknik 'stacatto' yang diselang selikan antara alat muzik bertali dan tiupan melahir kesan yang memberangsangkan sementara alat muzik 'cello' dan 'horn' pula melahirkan kesan yang bertentangan dengan alunan bersifat "legato". Kedua-dua sifat bunyian ini kemudiannya diolah bergabung sehingga mencapai satu tahap yang memberangsangkan dalam permainan orkestra ini.

Semangat ini dikekalkan melalui rangkaian rentak yang lebih dramatik dan dengan penggunaan notasi kuaver yang mana akhirnya mengekalkan suasana keriangannya dalam karya ini. Pada bahagian peringkat akhir, irama pantas yang hadir menjadikan karya ini bertenaga dan berjaya dipersembahkan dengan baik.

Shostakovich was born in St. Petersburg in 1906 and died in Moscow in 1975. He studied at the St. Petersburg Music Conservatory and was a trained composer principally after the communist Revolution in 1917. His subsequent career in Russia varied with the political climate. This piece was written in 1954 to express a sense of longing to return to the simple pleasures of life after such a horrowing period of war and dictatorship.

A bright fanfare on the brass heralds the chirpy main idea, first played on clarinet. This idea is developed with energetic staccato dialogues between the strings and wind and then contrasted against a more legato subject played by the cello and horn.

The two main ideas are then combined, after an effective build-up, in the brass and the rest of the orchestra. The energy is maintained through another passage of scurrying quavers that leads to a climactic rendition of the opening fanfare. A cadential presto that borrows material from the second idea brings the work to a suitably triumphant close.





Senarai/List of Musicians

Ahli Muzik

Violin 1

Maya Musaeva-Konsert master
 Mayu Karino
 Azlan Che Othman
 Kaori Sugii
 Zameelah Borhan
 Helen Smale
 Ho Soh Min
 Ahmad Razli Ayub
 Michail Michalov
 Jan Ng
 Yap Yen
 Chong Wee Wha
 Chew Chen Boon
 Jan Huey Yeen

Violin 2

Yip Siew Keen
 Helena Ong Hay Ling
 Radzali Mustaffa
 Karen Lim
 Ho Chwun Ching
 Zaleelah Borhan
 Daphne Fam Sim Sin Ying
 Abdul Hadi Ahmad Razli
 Kiyoko Udagawa
 Eng Jier Shioh
 Akira Mitsuishi
 Jifri Zin

Viola

Chin Ying Yuen
 Wong Siew Ngan
 Mahbob Mohd.
 Chong Kwee May
 Terence Ong
 Nurul Erna
 Low Chooi Sun
 Lau Yew Hann
 Angela Lou

Cello

Nasran Nawi
 Lian Phooi Wooi
 Zahratul Ai Saharin
 Helena Ostajaska
 Sahaya Mohd. Imam
 Lai Kong Loke
 Low Mung See
 Mohd. Rafi Shafie
 Jonathan Oh Ban Hin
 Goh Yew Chew
 Tan Vee Shau

Double Bass

Mohd Roni Mohamed
 Shafizan Sabri
 Lou Chai Hun
 Roslan Pilus
 Nazli Mohd. Ali
 Thia Sock Yiang
 Kholid Ahmad

Piccolo

Norman Ong Say
 Seong

Flute

Cicovic C. Dragan
 Foo Chie Haur

Oboe

Masayo Miyato
 Fakheezah Borhan
 Yong Hau Kin

Clarinet

Raymond Kong
 Lawrence Fong
 Tan Eng Pin

Bassoon

Igor Alekseyevich Glotov
 Craig Bradfield

French Horn

Kim Vychislav
 Norsaedah Said
 Mami Abe
 Chanakorn

Trumpet

Alexander Artamanov
 Haris Fadzilah Ahmad
 Adee Ariffin

Trombone

Lim Jit Yoke
 Chee Chow Ming

Bass Trombone

Amir Al Rashid Haroun

Tuba

Chew Choon Wei

Harp

Khor Jee Fei

Timpani

Clarence Ewe

Percussions

Shireen Jasin Mokhtar
 Lim Shi Wui
 Lim Wee Hoon
 Lai Foo Yuen

Brass Band

Trumpet

Jason Ong
 Cheong Tan Pau
 Chong Wai Lim

Trombone

Lee Yin Yin
 Elaine Mun

Senarai/Committee

Jawatankuasa

Penaung/Patron

Y.B Dato' Abdul Kadir Hj. Sheikh Fadzir
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Y.B Dato' Dr. Ng Yen Yen
*Timbalan Menteri Kebudayaan,
Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

Penasihat/Advisers

Y.M Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid
*Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

Y.Brs En. Daing Abdul Rahman b. Daing Ibrahim
*Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

Norliza Rofli
Pengarah Istana Budaya

Urusetia/Secretariate

Zaiton Md. Desa
Penyelaras Program

Zulkifli Abd Rashid
Pengarah Teknikal

Norizah Arshad
Kewangan/Pemasaran

Ridzuan Salam
Mohd. Hasri Morni
Azili Gembor
Jemputan/Publisiti

Roslee Ahmad
Idris Shaari
Kebajikan

Nazali Wahab
Percetakan

Senarai/Production Team

Tenaga Produksi

Pengarah Artistik

Salehuddin Md. Salleh

Penyelaras Teknikal

Saini Lih

Pengurus Peralatan/Pustakawan Muzik

Borhan Nawawi

Pengurus Panggung

Ramlah Amir

Pengurus Pentas

Raja Halim Raja Daud

Pen Pengurus Pentas

Mohd. Amin Sulaiman
Abd. Rahman Roseley
Abd Hadi Abd Malik

Unit Mekanikal

Mohd. Azli Baharuddin
Zulkifli Hussin
Mohd Fyruhnizam Yusof

Pereka Set /Pentas

Nazali Wahab

Unit Lampu

Abd. Razak Abd. Rahman
Amir Abu
Hasni Hassan
Mazlan Yahya

Unit Video

Ahmad Ruzaini Sharif
Ilmi Cik Ahmad
Ramli Ali
Hassim Mahadi
Abd. Razak Bujang
Nor Fizayati Abdul Manaf

Unit Audio

Ismail Mohamad
Wan Mohd Azam
Rasol Ahmad

Pembantu Teknik Bertugas

Mohd. Zaki Abu Samah

Penyelia Pentas

Jamaluddin Md. Noor





Penghargaan

Istana Budaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada :

Kementerian Kewangan Malaysia

Kementerian Luar Negeri

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Polis Diraja Malaysia

P. J Symphonic Band

Kuala Lumpur Symphony Orchestra

Dan orang perseorangan yang telah memberi sokongan dan kerjasama dalam menjayakan "Konsert Orkestra Simfoni Kebangsaan Keranamu Malaysia" ini.

Konsert/Next Concert

A k a n D a t a n g

**Orkestra Simfoni Kebangsaan
persembahan di Sabah**

Konduktor : **Mustafa Fuzer Nawi**
Soloist - **Maya Musaeva - Violin**

9-10 Sept 2000 - 8.00 PM

Pacific Sutera Hotel,
Kota Kinabalu,
Sabah.

**Orkestra Simfoni Kebangsaan & Koir Kebangsaan,
Koir Selangor Philharmonik**

Konduktor : **Roland Peelman**
"Carmina Burana"

13-14 Oktober 2000 - 8.30 PM

Istana Budaya,
Jalan Tun Razak,
Kuala Lumpur.





"Keranamu Malaysia"